

22 JAN 2000

CUEPACS MAHU WUJUDKAN PUSAT LATIHAN SUMBER MANUSIA DI CYBERJAYA

CYBERJAYA, 22 Jan (Bernama) -- Cuepacs berhasrat untuk mewujudkan sebuah Pusat Latihan Sumber Manusia di sini bagi melatih para pemimpin kesatuan sekerja sektor awam dan swasta di negara ini.

Presiden Cuepacs N. Siva Subramaniam berkata, kongres itu akan menemui Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn Jumaat ini untuk mendapatkan bantuan kementerian itu bagi pembinaan pusat latihan tersebut.

Pusat latihan seumpama itu wujud di Australia, Amerika dan beberapa negara Eropah, katanya kepada pemberita selepas majlis taklimat mengenai pembangunan bandar bestari Cyberjaya di sini hari ini.

Siva juga berkata kongres itu akan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memberi peluang kepada kakitangan kerajaan daripada kumpulan rendah dan pertengahan untuk turut menikmati rumah dan kemudahan teknologi maklumat (IT) yang dibangunkan serentak dengan pembinaan rumah itu di Cyberjaya.

Cuepacs mahu kakitangan kerajaan mengambil bahagian dalam pembangunan Cyberjaya kerana ia adalah satu harapan untuk Malaysia di alaf baru, katanya.

-- BERNAMA

AFY AKD